

# Dua corak dlm pesta silat Disember ini

ENCAR SILAT

30 SEP 1982

**PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi)** akan menganjurkan Pesta Silat 1982 peringkat kebangsaan selama dua malam iaitu pada 25 dan 26 Disember ini.

Pesta itu, yang bakal diadakan di Dewan Badminton di Guillemeard Road, akan dimuatkan dengan dua corak pertandingan — seni bunga silat (kesenian) dan olahraga.

Dalam usaha untuk memeriahkan lagi pesta tersebut, Persisi merancang mengundang kumpulan silat Depowojo dari Selangor untuk mengadakan persembahan di pesta itu.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, juga mengumumkan bahawa sempena pesta itu, satu kongres silat akan diadakan untuk membingkangkan rancangan masa depan Persisi dan 11 buah badan kerabatnya serta hal-hal yang berkaitan dengan sistem pertandingan dan perguruan silat di sini.

Mengenai pertandingan itu, beliau selanjutnya memberitahu bahawa bagi acara persembahan seni bunga silat itu, para peserta akan diiringi oleh kumpulan gamelan dengan rentak yang disesuaikan.

kan menurut jenis silat yang dipersembahkan.

Empat gelaran bagi bahagian persembahan bunga silat itu akan diadakan.

Gelaran-gelaran itu ialah Tunas Pendekar, Pendekar Muda, Srikandi dan Pendekar.

Beliau menerangkan bahawa tujuan utama mengenalkan acara baru itu ialah mendedahkan kepada orang ramai bahawa silat mempunyai cabang seninya selain dari olahraga.

## Pendekar

Bagaimanapun, sedikit perubahan terdapat dalam pertandingan silat bahagian olahraga iaitu bahagian beregu tidak akan diadakan. Sebaliknya, tiga bahagian saja telah ditetapkan untuk penyertaan pesta itu iaitu:

• Bahagian senaman beramai-ramai.

• Persembahan perseorangan yang dibahagikan lagi kepada tiga jurusan iaitu untuk remaja (antara 12 dengan 15 tahun); kanak-kanak lelaki dan perempuan (dari lapan hingga 12 tahun) dan jurusan ketiga ialah untuk budak-budak perempuan perseorangan terbuka.

• Bahagian ketiga pula

ialah untuk pendekar terbuka dan pesilat-pesilat dalam bahagian itu dikehendaki menggunakan senjata betul.

Mengenai pertandingan olahraga, Encik Johari menerangkan bahawa dalam pertandingan kali ini, sistem kalah mati akan dikenakan.

Ini bermakna setiap peserta yang menang akan terus melayakkan diri ke peringkat selanjutnya sementara peserta yang kalah dikira terkeluar dari pertandingan itu.

Kirana markah untuk korak kesenian dibahagikan kepada empat iaitu dari segi bunga atau tarian silat, pakalan dan ketertiban semasa bersilat, kesenianya dan akhir sekali ialah kecerdasan.

Enam orang pengadil yang akan diundang ialah dua dari Indonesia, dua dari Malaysia dan dua lagi dari Singapura.

Jawatankuasa pesta, kata Encik Johari lagi, telah bersetuju untuk mengadakan lebih banyak kelas atau kumpulan untuk meluaskan silat sebagai satu cabang olahraga.

Ia juga bertujuan memberikan peluang kepada para pesilat menceburkan dan meminat bidang itu.

Kelas-kelas 'A' hingga

'T' akan diadakan untuk lelaki sementara kelas-kelas 'A' hingga 'E' adalah untuk kaum wanita.

Setiap aliran silat hanya dibenarkan menghantar dua pesilat bagi setiap kelas. Kelas atau kumpulan yang mempunyai kurang dari tiga pesilat akan dibatalkan.

Semua pesilat yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan Fedegasi Antarabangsa di Jakarta baru-baru ini akan hanya bertanding dalam peringkat separuh akhir.

30 SEP 1982

## Kerabat

Peringkat saringan untuk ke pusingan akhir akan dilangsungkan pada setiap Ahad mulai November ini.

Encik Johari menekankan bahawa semua barang, sama ada untuk bahagian kesenian dan olahraga, mestilah dikembalikan kepada Setiausaha Agung Persisi tidak lewat dari 20 Oktober.

Pesta itu terbuka kepada semua kerabat Persisi. Badan-badan kerabat yang masih belum menerima keterangan lanjut diharap berhubung dengan setiausaha agung persekutuan itu menerusi telefon 7458669.

# Kecewa dengan sikap Persisi

ENCAR SILAT

SAYA, salah seorang pemimpin setia seni silat, ingin menyampaikan rasa hampa dan kecewa di atas sikap Persekutuan Silat Singapura (Persisi) sempena Pesta Silat yang akan diadakan pada November ini.

Menurut keterangan yang diberikan oleh Encik Johari Uriff pada 30 September lalu adalah seperti berikut:

"Semua pesilat yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan Fedegasi Antarabangsa di Jakarta baru-baru ini akan hanya bertanding

dalam pringkat separuh akhir."

Lataran itu saya di sini merasa kurang sebangg dengan keterangan yang dibuat oleh Encik Johari itu.

Ini adalah kerana ia seolah-olah merendah rendahkan kebolehan para pesilat yang lain.

Apakah ini cara yang wajar dan adil bagi mencari pesilat-pesilat yang benar-benar jagoh dan berkebolehan?

Sekiranya para pesilat yang telah mewakili Singapura ke Jakarta itu benar-benar jagoh, mengapa mereka tidak dipertemukan dengan pesilat-pesilat lain yang berbakat dan berkebolehan dari peringkat awal.

Harapan saya semoga Encik Johari dapat memberikan penuh penjelasan tentang masalah ini.

Peminat Silat.